



Motosikal 'lauk' penjenayah

Penjenayah hanya mengambil masa yang singkat untuk melarikan motosikal yang mempunyai tahap keselamatan yang lemah. (gambar hiasan)

Mohd Ridzuan yang berasal dari Sungai Siput, Perak kini menuntut dalam bidang Teknologi Maklumat di Universiti Teknologi Malaysia (UiTM), Shah Alam.

Pada cuti semester baru-baru ini, dia tidak pulang ke kampung, sebaliknya mengambil peluang bekerja sambil di ibu negara.

Gaji yang ditawarkan amat lumayan buat seorang pelajar yang baru mengenal erti sebuah kehidupan.

Tanpa sedar, tempoh cuti semester kian berakhir. Wang yang dikumpulkan dalam tempoh tiga bulan bekerja mencecah RM6,000.

Sebahagian wang itu akan digunakan untuk membeli motosikal bagi memudahkannya berulang alik dari rumah sewa ke universiti.

Ditemani abangnya, dia membeli sebuah motosikal jenis Honda EX5, warna merah hati, secara tunai berjumlah RM4,050. Impiannya untuk memiliki motosikal dengan hasil peluh sendiri tercapai.

Dua minggu kemudian, Mohd Ridzuan tidak menyangka sesuatu akan berlaku terhadap dirinya. Motosikal yang diletakkan di parkir motosikal di rumah sewanya di sebuah apartmen di Seksyen 7 Shah Alam, gagal dikesan.

"Mana motosikal aku?" Keluh resah hati pemuda ini.

Setiap pelosok apartmen ditinjau namun motosikalnya tetap tidak ditemui. Puas bertanya dengan jiran sekeliling malah pengawal keselamatan juga tidak mampu untuk memberi pertolongan.

"Motosikal aku hilang. Kenapa aku yang terkena. Kenapa motosikal aku? Banyak lagi motosikal milik orang lain yang lagi mahal," pelbagai persoalan bermain di minda Mohd Ridzuan.

Kini, dia sedar, motosikal yang baru

dibelinya itu sudah hilang dilarikan penjenayah. Menangis air mata darah sekalipun tidak mampu untuk dia mendapatkan semula motosikalnya. Apa yang mampu hanya membuat laporan polis berhubung kehilangan motosikal tersebut.

Curi motosikal merupakan jenayah yang boleh dikatakan berlaku setiap hari terutamanya di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk.

Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya jenayah ini? Semuanya akan dirungkai melalui ruangan *Modus Operandi* hari ini.

Kegiatan lumba haram

Wartawan Modus Operandi berkesempatan menemui pemuda dikenali Amat, 26, yang pernah terlibat dalam kegiatan jenayah curi motosikal.

Katanya, motosikal yang tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan merupakan 'laknya'. Bagi motosikal yang ada ciri-ciri keselamatan seperti memasang kunci tambahan, kurang daripada lima minit motosikal itu dapat dilarikan.

Menceritakan kembali perjalanannya sebagai pencuri motosikal, dia berkata, semuanya bermula ketika melanjutkan pelajaran di sebuah pusat pengajian di Pahang.

Amat berkata, pada mulanya dia hanya melarikan Yamaha RXZ untuk dijadikan sebagai alat ganti motosikalnya. Saban hari, permintaan yang tinggi diperoleh dan mendatangkan pulangan yang lumayan. Wang itu digunakan untuk menampung perbelanjaan sehariannya malah lebih mewah daripada rakan sekelasnya.

Bagaimanapun, kini Amat sedar akan kesilapan yang dilakukan dan hampir meringkuk di dalam penjara selepas ditahan ketika terlibat dalam kegiatan lumba haram.

Faktor jenayah motosikal berlaku

Terdapat tiga faktor yang membolehkan penjenayah itu dapat melarikan motosikal milik mangsanya.

Faktor itu adalah:

1. Peluang

Peluang itu tercipta daripada mangsa itu sendiri. Jika peluang itu tidak wujud, penjenayah mungkin tidak berpeluang untuk melarikan harta benda milik mangsa. Contoh peluang yang sering dicipta oleh pengguna adalah:

- Meninggalkan kunci di motosikal.
- Tidak mematikan enjin motosikal ketika berurusan.
- Motosikal ditinggalkan di tempat yang sunyi.
- Meninggalkan motosikal di tempat gelap.
- Tidak menambah kunci pada motosikal.
- Terlalu menampakkan keistimewaan pada motosikal.

2. Keupayaan

Faktor keupayaan itu terbentuk selepas penjenayah itu mendapat peluang daripada kelalaian pengguna. Antara keupayaan yang diperolehi penjenayah adalah:

- Boleh melarikan motosikal tanpa disedari.
- Memiliki alat khas untuk merosakkan suis motosikal.
- Pakar dalam membuka kunci tambahan.

3. Keinginan

Faktor keinginan penjenayah untuk melarikan motosikal milik mangsanya. Antara faktor keinginan adalah:

- Harga motosikal curi yang lumayan.

b) Mendapat permintaan.

c) Komponen motosikal boleh dijadikan alat ganti.

d) Kesempitan hidup.



Lokasi berlaku kecurian motosikal

- Hadapan kedai
- Tempat letak motosikal di kawasan perumahan
- Pusat membeli belah
- Pusat riadah
- Hadapan rumah
- Tepi jalan

Cara untuk menghalang berlaku kecurian motosikal

- Letak motosikal di tempat yang dikhaskan.
- Jangan tinggalkan kunci motosikal.
- Pastikan motosikal dikunci sepenuhnya.
- Letak di tempat yang mudah dilihat.
- Letak di kawasan yang terang.
- Guna rantai dan kunci tambahan.
- Jangan menampakkan kemewahan pada motosikal.
- Ukir nombor pendaftaran pada bahagian penting motosikal.